

13/11/2003

Belum terlambat banteras rasuah, kerenah birokrasi

Rejal Arbee

BELUM pun beberapa hari menerajui kerajaan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengeluarkan beberapa arahan yang kiranya dilaksanakan dengan tegas akan meninggalkan kesannya dalam pemerintahan negara. Dengan perwatakannya yang bersahaja, ramai menganggap sukar bagi Pak Lah untuk menandingi kejayaan Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah meninggalkan warisannya yang begitu berkesan selepas menerajui negara selama lebih 22 tahun.

Sememangnya tidak adil untuk membuat perbandingan antara Pak Lah dengan Dr Mahathir sebagaimana ruangan ini pernah menyebutnya. Tetapi dari beberapa siri perjumpaan dan mesyuarat yang telah beliau lakukan hanya dalam tempoh seminggu memegang tampuk kerajaan, rakyat sudah boleh membuat kesimpulan bahawa nyata sekali beliau sedang berusaha meningkatkan kemajuan negara ke satu lagi tahap kejayaan. Ini tentunya dapat menjamin kemajuan yang dikecapi akan berjalan mengikut landasan yang kukuh demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Dalam tempoh beberapa hari ini, beliau telah secara tegas memberi notis untuk memerangi rasuah dan membanteras gejala birokrasi dalam perkhidmatan kerajaan yang juga adalah puncanya berlaku rasuah di kalangan pihak pentadbiran. Seruannya supaya rakyat bekerja bersamanya bukan untuk peribadinya serta hasrat untuk mengurangkan 'politiking' selain arahan supaya pegawainya memberikan maklumat tepat dan tidak menyorokkan yang buruk dari pengetahuannya, memberikan gambaran jelas hala tuju beliau dalam memandu negara.

Kejayannya dalam usaha ini akan memberi kesan positif terhadap pentadbirannya dan usaha inilah tentunya akan menjadi suatu peninggalan yang amat bermakna bagi negara dan peribadinya kelak.

Walaupun amalan rasuah dan kerenah birokrasi dalam negara tidak seteruk yang berlaku di beberapa negara jiran, dari cerita yang kedengaran serta pelbagai berita yang disiarkan dalam akhbar, apakah tidak boleh disimpulkan bahawa kita sedang menuju ke arah itu? Kiranya amalan buruk ini yang boleh dikatakan sudah pun meresap di kebanyakan kementerian dan jabatan tidak dibendung malah dihapuskan, kemajuan dan kedudukan negara sudah tentu akan terjejas. Jadi kenyataan Pak Lah ini sememangnya dialukan ramai.

Boleh dikatakan semua jabatan dan agensi kerajaan yang mempunyai kuasa mengeluarkan permit atau memberi lesen serta melaksanakan undang-undang atau peraturan dan sebagainya sudah dicemar dengan gejala ini. Kementerian dan jabatan yang tidak pun terlintas boleh berlaku rasuah juga sudah diresapi gejala jelek ini. Maknanya di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta mahkamah sendiri tidak terkecuali dari berlakunya perkara ini.

Di mahkamah misalnya. fail yang dikemukakan untuk kes sivil pernah tidak dapat dicari gara-gara ada anasir yang melenyapkannya kerana amalan yang tidak sihat hingga sesuatu kes bertapak bertahun-tahun menyebabkan orang yang membuat tuntutan putus asa. Misalnya di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pengeksport pakaian yang mendapat tempahan dari pembeli di Eropah dan Amerika Syarikat boleh mendapat kuota skim keutamaan am (GSP) untuk eksport kalau bersedia memberi sedikit 'perangsang' untuk melicinkan pengeluaran permit.

Demikian juga di Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Bomba pun boleh berlaku amalan ini. Di JAS misalnya, sesuatu industri sebelum boleh

menjalankan aktiviti itu perlu mendapat kelulusan JAS bagi menetapkan aktiviti itu tidak akan mencemar persekitarannya. Kelulusan ini boleh sengaja dilewatkan sekalipun syarikat telah memenuhi segala kehendak JAS kalau tidak ada pelincirnya. Lebih merugikan negara dan rakyat apabila ada syarikat yang tidak memenuhi syarat pemeliharaan alam sekitar pun boleh mendapat kelulusan asalkan ada perkiraan dengan pegawai berkaitan.

Bomba juga boleh melakukan cara demikian ini yang bersabit dengan kebakaran dan pencegahan kebakaran kerana sebelum sesuatu premis boleh dihuni, perakuan jabatan itu juga diperlukan. Pendeknya di mana-mana agensi kerajaan pun, gejala rasuah boleh berlaku.

Selain agensi yang tidak terfikir boleh berlaku amalan buruk ini, agensi yang sudah terkenal sebagai lubuk rasuah termasuklah Jabatan Kastam, Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pejabat tanah, pihak berkuasa tempatan dan polis. Antara tugas mereka adalah mengeluarkan lesen, permit atau memantau dan melaksanakan tindakan terhadap orang yang menjalankan sebarang kegiatan menyalahi undang-undang atau peraturan.

Berita mengenai hal yang tidak diinginkan sering mendapat tempat dalam media massa. Bagaimanapun, ini tidak bermakna semua kakitangan agensi berkenaan terbabit dengan rasuah. Memang ada pegawai yang amanah dan sedia memberikan khidmat terpuji hanya kerana sedarkan tanggung jawab mereka sebagai pegawai yang makan gaji. Tetapi tindak tanduk segelintir yang tidak amanah inilah yang memberikan imej buruk ke atas agensi terbabit.

Kenapa gejala begini boleh berlaku? Tidakkah yang mengetahui berlakunya hal ini mahu bertindak? Pokoknya banyak daripada aktiviti yang boleh membawa kepada kejadian rasuah dilaksanakan secara tidak telus dan terlalu bergantung kepada birokrasi. Apabila timbul budi bicara dan ada kakitangan yang tidak amanah, rasuah tentunya boleh berlaku malah akan menjalar. Amalan ini adalah seperti penyakit kanser yang jika tidak dibendung dan dihapuskan dari awal boleh memudaratkan negara dan menjejaskan kemajuannya.

Ambil saja dua kejadian yang banyak diperkatakan dalam akhbar baru-baru ini yang membabitkan Jabatan Kastam. Pertamanya, bagaimana pihak Kastam tidak mengetahui atau mengesyaki berlakunya penyeludupan beras secara besar-besaran melalui pelabuhan? Dinyatakan penyeludupan di depan mata pegawai Kastam ini telah berleluasa sejak sekian lama. Maka timbullah tanda tanya bagaimana bertan-tan beras boleh dibawa masuk begini? Bukannya diseludup seperti kretek melalui pantai dan pada waktu tengah malam.

Baru-baru ini, timbul pula kisah penyeludupan kereta mewah. Kejadian ini terbongkar bukan kerana pengetahuan Kastam sendiri tetapi kerana kesilapan penyeludup. Kalau tidak, 'penyeludupan di bawah hidung' ini yang telah pun berlangsung buat beberapa tahun lalu, tentunya akan berterusan bertahun lagi. Bagaimana perkara begini boleh berlaku masih tidak terjawab. Lebih memalukan dalam satu kes jenis kereta pun pihak Kastam tidak jelas apakah Ferrari, Jaguar atau Lambourgini. Tidak hairanlah timbul tanda tanya di kalangan rakyat apakah tidak ada udang di sebalik batu?

Sampai sekarang ini pun tiada jawapan munasabah yang diberikan. Yang ada hanyalah alasan. Kalau demikianlah halnya, tidak boleh disalahkan jika orang membuat pelbagai andaian mengenai jabatan itu.

JPJ sudah sebatu dengan tuduhan banyaknya berlaku rasuah. Satu perkara yang sampai hari ini tidak terjawab ialah bagaimana tiga buah kereta boleh mempunyai nombor pendaftaran yang sama? Ini bukannya kes nombor palsu sebagaimana sering dilakukan penjenayah. Nombor itu diberikan JPJ. Kes begini bukan sekali dua yang dilaporkan. Tetapi, seperti biasa jawapan mengenainya juga tidak ada dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap yang menyeleweng juga tidak diketahui.

Demikian pula beberapa kes lori hantu yang boleh bermaharajalela di jalan raya tanpa ada tindakan polis. Hinggakan yang terbabit dengan

kemalangan maut pun tidak ada jawapannya. Misalnya, kes kemalangan di Shah Alam yang mana sebuah kereta Kancil dihentak dari belakang yang menyebabkan pemandunya iaitu seorang suri rumah menemui maut. Apa kesudahannya?

Kes-kes bersangkutan pengusaha tempatan sudah banyak diperkatakan. Malangnya, bila ada sesuatu laporan dalam akhbar barulah nampak tindakan. Bagaimana dengan kisah yang tidak didedahkan akhbar? Apakah tindakan akan hanya dijalankan selepas sesuatu kes dilaporkan akhbar?

Demikian pula di Pejabat Tanah. Berapa banyak sudah kisah rakyat memohon tanah terpaksa menunggu bertahun-tahun dan berulang alik seperti pengemis baru hendak dilayan. Akhbar ini telah banyak melaporkan kisah ini. Bagaimanapun, ada pula orang yang mengetahui sesuatu kawasan akan dimajukan sebelum ada apa-apa pengumuman dan dengan mudah mendapat anugerah tanah itu. Beberapa tahun kemudian apabila kawasan itu hendak dimajukan, mereka menjual tanah berkenaan dan telah menjadi orang kaya baru dengan mengaut keuntungan yang tidak terhingga.

Yang dipaparkan di sini hanyalah beberapa kes tertentu. Perlakuan rasuah adalah lebih daripada itu. Hanya mereka yang terbabit mengetahui keadaan sebenar. Tetapi sukar sangatkah untuk membanterasnya? Tentunya usaha tidak terlalu sukar kiranya ada kemahuan. Diharapkan dengan adanya keazaman Pak Lah sekarang ini, semua kementerian dan jabatan serta agensinya lebih serius untuk menghapuskan rasuah.

Amalan ini tidak terhad di kalangan agensi kerajaan saja. Di pihak swasta pun banyak berlaku. Cuma tidak dihebohkan atau dilaporkan akhbar. Kiranya rasuah hendak dihapuskan, amalan di pihak swasta juga perlu diberi perhatian. Di antara kes yang sering diperkatakan adalah bersangkutan dengan bank, misalnya usaha untuk mendapatkan pinjaman. Ia banyak membabitkan pengusaha kecil dan sederhana yang sukar mendapat pinjaman kalau tidak ada pelincirnya. Ada tuduhan kelulusan mudah diperolehi dengan syarat 10 atau 15 peratus daripada pinjaman menjadi pelincir.